

Semangat kemerdekaan semakin dilupakan

Ramai generasi muda buta sejarah kerana sistem pendidikan terlalu tumpu sains, teknologi

APABILA disebut kemerdekaan, perkara pertama terlintas di fikiran adalah sejarah kemerdekaan. Sejauh mana Prof melihat pengetahuan anak muda hari ini terhadap sejarah kemerdekaan.

Sebenarnya ramai di kalangan generasi muda hari ini tidak tahu mengenainya dan ini satu perkara yang sangat serius.

SEJARAH penting dalam membentuk perpaduan kaum sekaligus melahirkan masyarakat yang sejahtera dan sayangkan negara. Bagaimanapun masyarakat hari ini mula melupakan kepentingan sejarah dan lebih tertumpu kepada kemajuan sains dan teknologi. Ikuti temu bual wartawan Berita Harian, Haryani Ngah bersama tokoh sejarawan negara Prof Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim berhubung kepentingan sejarah dalam perpaduan negara.

“ Untuk menghayati kemerdekaan mereka perlu faham mengenai sejarah negara, kedudukan diri sendiri negara, masyarakat, rantau dan dunia ”



? Mengapa perkara ini berlaku

Sistem pendidikan negara yang mengeluarkan mata pelajaran sejarah pada peringkat sekolah rendah dan terlalu menumpukan kepada pembelajaran sains dan teknologi serta meminggirkan kepentingan sejarah dan hal-ehwal kemanusiaan menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai ilmu kenegaraan termasuk hidup bersatu dalam negara berbilang kaum.

? Bagaimana prof melihat kepentingan sejarah dalam menjaga keamanan dan perpaduan negara

Untuk menghayati kemerdekaan mereka perlu faham mengenai sejarah negara, kedudukan diri sendiri negara, masyarakat, rantau dan dunia.

Mereka tidak harus ikut arus permodenan semata-mata sebaliknya perlu tahu bagaimana kita sampai kepada keadaan sekarang. Mereka perlu faham sejarah Malaysia kerana daripada situlah mereka tentu akan sayangkan negara.

? Pengalaman Prof berdepan dengan generasi muda hari ini.

Saya sering mengadakan ceramah dan daripada pemerhatian, maklumat yang disampaikan daripada peserta ceramah serta perbualan, saya dapati ada di kalangan generasi muda yang tidak tahu siapa Perdana Menteri pertama. Ini satu perkara serius dan sangat menakutkan.

Pernah satu ketika saya berjumpa dengan seorang penuntut dari Seremban dan dalam sesi temuramah saya minta dia ceritakan sedikit mengenai Kuala Pilah, tapi pelajar itu berkata tak pernah dengar mengenainya dan bagi saya ia

adalah sangat teruk.

Saya juga pernah bertanya dengan seorang remaja perempuan berusia lebih kurang 12 tahun dan bertanya di mana tempat lahirnya. Bagaimanapun remaja itu tidak tahu nak menjawab di mana tempat lahirnya.

Lihatlah bagaimana kesan akibat tidak mengenal sejarah sehingga tempat mereka lahirpun tidak tahu di mana.

Saya juga pernah bertanya dengan pemandu pelancong yang membawa pelancong melawat Bandaraya, di manakah permulaan Kuala Lumpur dan mereka dengan bangga memberitahu Dataran Merdeka.

Saya beritahu mereka bahawa Dataran Merdeka muncul 100 tahun selepas Kuala Lumpur dibuka sebagai pusat perdagangan dan memberitahu mereka bahawa permulaan Kuala Lumpur adalah di belakang Masjid Jamek.

Malah Sungai Gombak nama asalnya adalah Sungai Lumpur dan apabila Sungai Lumpur bertemu Sungai Klang, maka bermulalah Kuala Lumpur yang bermaksud kawasan kuala sungai Lumpur.

Jadi inilah kesan yang berlaku apabila sejarah dipinggirkan. Banyak perkara penting mengenai Malaysia tidak diketahui.

? Pada tahun ini tema kemerdekaan negara adalah '1Malaysia Menjana Transformasi', apakah pandangan prof terhadap konsep 1Malaysia

Idia 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri kita itu sangat baik, bagaimanapun untuk melaksanakannya adalah sukar.

Kesukaran generasi muda memahami maksud 1Malaysia adalah kesan meminggir-



PENERAPAN asas jati diri di kalangan generasi muda perlu berterusan agar nilai murni tak terhakis.

kan sejarah dan hal ehwal kemanusiaan dalam sistem pendidikan negara yang juga terlalu berorientasikan peperiksaan.

Akibat kedangkalan mengenai 1Malaysia, akhirnya ia dieksploitasi pihak tertentu yang menyamakannya dengan slogan 'Malaysian Malaysia', sekali gus mahu menghapus hak keistimewaan orang Melayu dan diganti dengan tuntutan kesaksamaan untuk semua kaum.

Hakikat ini ternyata menyimpang jauh daripada objektif utama sistem pelajaran yang digariskan dalam Penyata Razak iaitu memperkukuhkan perpaduan kaum yang menjadi asas keutuhan sosiopolitik dan pemangkin kemajuan serta kemakmuran ekonomi negara.

? Bagaimana Prof melihat generasi hari ini

Apabila membaca akhbar setiap hari timbul rasa takut dengan berita yang me-

“

Mereka tidak harus ikut arus permodenan semata-mata sebaliknya perlu tahu bagaimana kita sampai kepada keadaan sekarang. Mereka perlu faham sejarah Malaysia kerana daripada situlah mereka tentu akan sayangkan negara”



maparkan kisah seperti murid wanita yang menendang perut guru. Kisah ini sangat menakutkan kerana perwatakan murid wanita itu berbeza dengan wanita zaman dulu yang sangat mementingkan adat sopan.


Kejadian seperti ini berlaku akibat kita tidak memberi tumpuan kepada perbincangan mengenai nilai mur-

ni di sekolah dan ini membawa kepada sifat anak muda kita yang kurang sopan.

Nilai murni boleh dibentuk menerusi kegiatan kokurikulum dan pandu puteri, pengakap yang menggalakkan murid sekolah mengutamakan diri sendiri tetapi masyarakat, menolong orang sekali gus dapat menjaga

kestabilan masyarakat.

Tanpa menerapkan asas jati diri itu sepanjang proses pembelajaran serta pembentukan sahsiah individu, maka nilai murni akan terhakis seterusnya generasi muda buta sejarah negaranya sendiri. Sebaliknya, individualistik kian subur menggantikan semangat kekitaan dan perpaduan antara kaum.



PEMIMPIN Parti Perikatan berhimpun di Padang Kelab Selangor pada malam 30 Ogos 1957.

Air mata rakyat saksi kemenangan sebuah perjuangan

PILIHAN raya umum pertama berlangsung pada 1955 yang menyaksikan parti Perikatan UMNO-MCA-MIC memenangi 51 kerusi daripada 52 kerusi yang dipertandingkan, satu kerusi lagi di menangi PAS.

Kemenangan ini membolehkan Kabinet kerajaan dibentuk dengan perlantikan Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri pertama.

Pada 1956, Tunku Abdul Rahman mengetuai suatu rombongan ke London untuk membincangkan soal kemerdekaan yang mengambil masa tiga minggu. Pada 8 Februari 1956, British menandatangani Perjanjian London 1956 yang menyatakan persetujuan memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu.

Pengumuman kemerdekaan dibuat oleh Tunku Abdul Rahman di Melaka, sekembalinya beliau ke Tanah Melayu.

Apabila tarikh Kemerdekaan telah ditentukan, Tunku mengarah Jabatan Kerja Raya untuk membina sebuah stadium terbuka yang akan dijadikan tempat pengisytiharan Kemerdekaan. Tunku memilih sendiri lokasinya, di sebuah bukit yang rendah berdekatan Jalan Birch dan stadium itu dinamakan 'Stadium Merdeka'.

Tepat jam 12 malam, 31 Ogos 1957, bendera British, Union Jack diturunkan di hadapan Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur dan Tunku Abdul Rahman selaku Perdana Menteri Persekutuan Tanah Me-

layu mengisytiharkan kemerdekaan di Stadium Merdeka.

Mengimbas kembali suasana ketika detik menjelangnya perisytiharan kemerdekaan, perasaan seluruh rakyat gelisah dan berdebar-debar, apatah lagi dengan keadaan cuaca yang tidak begitu cerah. Pada

“ Dengan nama Allah, Persekutuan Tanah Melayu untuk selamanya sebuah negara yang demokratik dan Merdeka ”

Tunku Abdul Rahman
Perdana Menteri Pertama

sebelah paginya, hujan lebat membuatkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk (kini Tun) Abdul Razak yang melawat Stadium pada pagi itu gelisah dengan fakungan air di tengah-tengah padang di mana Askar Melayu akan mengadakan perbarisan kehormat.

Abdul Razak adalah Timbalan Pengerusi, Jawatankuasa Persiapan Kemerdekaan dengan Tunku Abdul Rahman sendiri adalah Pengerusinya.

Bagaimanapun, hujan mula reda dan matahari mula menampilkan sinar. Abdul Razak menelefon Tunku Abdul Rahman dan melaporkan keadaan

di stadium serta mencadangkan agar ketibaan Raja-raja Melayu, Duke serta isteri dan Pesuruhjaya Tinggi dilewatkan satu jam.

Tidak lama selepas itu, semuanya menjadi cerah, tenang dan aman. Persiapan dilakukan dengan segera. Orang ramai mula melangkah dengan penuh semangat menuju ke Dataran Merdeka. Terpancar keceriaan dan rasa bangga pada wajah masing-masing.

Tunku tiba dengan berbaju Melayu hitam, berkain samping lengkap dengan keris bersarung gading terselit di pinggang serta mengenakan tengkolok songket. Beliau berdiri gagah menerima ketibaan Duke of Gloucester yang memakai pakaian istiadat ketenteraan British berpangkat Field Marshall.

Sebaik Duke of Gloucester melangkah masuk dan mengambil tempat, lagu *God Save The Queen* berkumandang. Duke diiringi oleh Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Donald MacGillivray.

Raja-raja Melayu pula duduk dipayungi oleh sembilan payung kuning, Yang di-Pertuan Agong pula duduk di tengah-tengah, di kirinya Tunku Abdul Rahman dan di kanannya Duke.

Duke kemudian menyerahkan 'Instrumen Kemerdekaan' iaitu suatu pengakuan British bahawa ia menyerahkan kedaulatan Pulau Pinang dan Melaka kepada negara baru ini dan seterusnya menarik balik 'perlindungan' diberikan



TUNKU ABDUL RAHMAN melaungkan Merdeka pada pagi 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka.

kepada Negeri Melayu.

Tunku Abdul Rahman membacakan pengisytiharan Kemerdekaan yang antara lainnya menyebut "Dengan nama Allah, Persekutuan Tanah Melayu untuk selamanya sebuah negara yang demokratik dan Merdeka". Suaranya sering tenggelam dengan pekikan Merdeka! Merdeka! Merdeka!

oleh rakyat sebuah negara baru yang lahir dari suatu perjuangan yang suci.

Tidak lama selepas itu, laungan Merdeka! Merdeka! Merdeka! memecah suasana. Gemanya penuh semangat sehingga meremangkan bulu roma siapa saja yang berada di Stadium Merdeka ketika itu. Tanpa disedari hampir semua ha-

dirin yang ada menitiskan air mata sebagai saksi kemenangan atas sebuah perjuangan.

Kemerdekaan adalah peristiwa yang bersejarah dan penuh bererti bagi setiap anak bangsa. Kemerdekaan adalah lambang kebebasan anak bangsa yang perlu dijaga dan dipelihara agar kita tidak lagi kembali menjadi bangsa dijajah.